

01 SEP 2001

DR MAHATHIR TIBA DI LANGKAWI UNTUK LAWATAN

LANGKAWI, 1 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini hari ini untuk lawatan dua hari bagi meninjau beberapa projek pembangunan di sekitar pulau peranginan ini.

Ketibaan beliau di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi di Padang Matsirat di sini dengan pesawat khas disambut oleh Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain, Anggota Parlimen Langkawi Datuk Abu Bakar Taib, pegawai kerajaan dan pemimpin masyarakat.

Esok, Dr Mahathir dijangka meninjau perkembangan projek perkhidmatan kereta kabel di Teluk Burau.

Projek bernilai kira-kira RM45 juta itu yang dijangka siap Mac tahun depan menghubungkan kompleks membeli-belah bersepadu Oriental Village dengan Gunung Machinchang setinggi 708 meter.

Dr Mahathir juga dijangka meninjau projek pemulihan Pantai Kok di Teluk Burau sebelum melawat projek pembesaran Sungai Kuala Melaka.

-- BERNAMA

Perdana Menteri dijangka berlepas pulang petang esok.

-- BERNAMA

NH FAZ